

# Pelajar disaran belajar bahasa lain

BAHASA Mandarin merupakan bahasa terbesar di dunia dengan bilangan penutur jati mencecah 897 juta orang dengan bukan penutur asli sekitar 193 juta orang menjadikan jumlah keseluruhan populasi penduduk yang menggunakan bahasa tersebut mencecah 1.1 bilion.

Pengguna bahasa rasmi negara China, Taiwan dan Singapura itu bertebaran di serata negara antaranya Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Vietnam, Mauritius, Mongolia, Filipina, Rusia, Thailand, Britain, Amerika

Syarikat, Vietnam selain di Malaysia.

**Pengarah Pusat Budaya dan Bahasa Mandarin (MLCC), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Yong Ying Mei** berkata, bahasa Mandarin tidak kira di mana lokasi ia dituturkan adalah sama. Di Taiwan misalnya, bahasa Mandarin dipanggil *Guoyu* yang bermaksud Bahasa Kebangsaan.

Bahasa Mandarin turut dirujuk dengan nama *Putonghua* di negara China yang jika perkataan itu



YING MEI

dipecahkan kepada *pu tong* bermakna umum dan *hua* mendukung maksud bahasa.

“Dalam hal ini, mempelajari bahasa Mandarin boleh menjadi perkara mencabar buat bukan penutur asal seperti masyarakat Melayu kerana ia mempunyai nahu, sebutan, struktur tatabahasa yang berbeza dengan bahasa Melayu.

“Begitupun, penguasaan bahasa Mandarin memberi nilai tambah untuk pelajar

meningkatkan peluang pekerjaan, terutamanya di sektor perusahaan yang bergantung pada bahasa perantara tersebut,” jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, MLCC yang dilancarkan pada 2011 adalah projek kerjasama antara UMP dan Universiti Hebei di China. Ia bertujuan menyediakan keperluan latihan kepada pelajar, golongan profesional dan masyarakat awam berhubung bahasa Mandarin dan kebudayaan Cina secara proaktif.